

BAB 3

PEMIKIRAN DAN POLITIK ZIA UL HAQ

Zia ul Haq merupakan seorang pemimpin politik sekaligus pemimpin ketenteraan yang terkenal di Pakistan. Kejayaannya dalam kedua bidang kerjaya ini telah membawanya menjawat jawatan Presiden Republik Islam Pakistan. Malahan, kepimpinannya merupakan yang terlama dalam sejarah pemerintahan Pakistan walaupun dengan membawa kelainan sistem pentadbiran melalui pengenalan Undang-Undang Ketenteraan. Seharusnya perlu diteliti akan kejayaan beliau di dalam mempertahankan pemerintahan selama 11 tahun sehingga kematiannya pada 17 Ogos 1988.

Latar Belakang

Muhammad Zia Ul Haq dilahirkan pada 12 Ogos 1924 dalam keluarga Arain yang tergolong sebagai kelas pertengahan sederhana dari Jullundur. Ketika usianya masih muda, Zia ul Haq telah melibatkan diri dalam arena ketenteraan yang membawanya mencipta nama di Pakistan. Beliau telah dihantar oleh ayahnya yang bertugas sebagai pegawai rendah kerajaan untuk bersekolah di Kolej St. Stephen di Delhi dan kemudiannya menyertai Akademi Militer Diraja India semasa Perang Dunia Kedua. Sepanjang penglibatannya dalam bidang ketenteraan, beliau pernah berkhidmat di Burma, Tanah Melayu, dan Pulau Jawa malahan, pernah dihantar ke Pusat Pasukan Berperisai (Armoured Corps Centre) di Nowshera.¹⁴⁵

¹⁴⁵ Ian Talbot, *Pakistan : A Modern History*, London : Hurst and Company, 1998, him. 254.

Zia ul Haq telah dilantik memegang jawatan sebagai jeneral tertinggi pada tahun 1972 sebaik sahaja berakhirnya perperangan di antara Pakistan dengan India pada tahun 1971. Komitmennya yang tinggi sebagai pegawai tentera telah membawa beliau mencapai kejayaan yang membanggakan melalui perlantikannya sebagai Ketua Pegawai (Chief of Staff) oleh Perdana Menteri Pakistan, Zulfikar Ali Bhutto pada tahun 1976. Bagaimanapun, kepercayaan yang diberikan oleh Bhutto telah dimanipulasikan oleh Zia ul Haq apabila beliau mengetuai satu rampasan kuasa yang berjaya menggulingkan Bhutto dan kerajaannya pada 5 Julai 1977. Zia ul Haq telah mengambil alih jawatan Presiden pada tahun 1978 menggantikan Bhutto dan meletakkan dirinya sebagai pemerintah pertama Undang-Undang Ketenteraan. Bagaimanapun, Zia ul Haq meninggal dunia pada 17 Ogos 1986 dalam kemalangan pesawat udara di timur Pakistan.

Meninjau kehidupan peribadinya, Zia ul Haq melangsungkan perkahwinan dengan sepupunya Shafiqa pada Ogos 1950. Beliau kemudiannya dilantik menjadi Pemimpin Tentera Berkuda dan Pengusaha Kolej Pegawai di Quetta pada tahun 1955. Dalam mengejar kerjaya ketenteraannya sehingga dinaikkan pangkat kepada pemerintah briged pada tahun 1969, beliau diutus sementara ke Jordan untuk membantu tentera Raja Hussein menentang PLO (Pertubuhan Pembebasan Palestin). Sekembalinya ke Pakistan, beliau dipilih untuk memimpin Pasukan Berperisai Pertama (First Armoured Division) selama tiga tahun. Bagaimanapun, pada waktu itu Zia bukanlah individu yang dikenali umum sehingga pada musim panas 1976 apabila Presiden Zulfikar Ali Bhutto memanggilnya untuk mengetuai tentera Pakistan sebagai Ketua Pemerintah Tentera. Pemilihan ini dibuat kerana dikatakan bahawa

Bhutto amat menyenangi sikap Zia yang taat kepada agama, semangat patriotik yang tinggi dan sikap profesionalnya dalam menjalankan tugas.¹⁴⁶

Pemikiran Zia ul Haq

Rejim ketenteraan di bawah pimpinan Jeneral Zia ul Haq cuba memberikan komitmen yang kuat terhadap Islam dengan pengukuhan nilai-nilai keislaman yang sentiasa diterapkan dalam diri beliau. Pada September 1977, dalam temu bualnya dengan editor suratkhabar Teheran iaitu *Kayhan*, beliau membalaas pertanyaan berkenaan dengan Islam yang diutarakan kepada beliau iaitu ;

“The basis of Pakistan is Islam and nothing else. I could have stayed on in India. But I did not, because I was a Muslim. We left everything we had in East Punjab and arrived in Pakistan destitute, but rich with hope and faith...seven generation of my family were born and brought up there. When the break-up came were not rich ; ours was an ordinary family. Nevertheless we sacrificed all we had and moved to Pakistan. With such a background how would you expect me to forget, after a mere thirty years, what the basis of Islamic Republic was. The basis is Islam and shall be so.”¹⁴⁷

Setahun selepas menjadi Presiden Pakistan, Zia ul Haq telah mengadakan Persidangan Islam Antarabangsa di Islamabad. Persidangan ini telah dijadikan sandaran untuk dirinya apabila mengakui betapa bermaknanya Pakistan kepadanya;

“I will tell you what Islam and Pakistan meant to me. It is a vision of my mother struggling on, tired, with all her worldly possessions in her hands, when she crossed the border into Pakistan.”¹⁴⁸

¹⁴⁶ Ibid, hlm. 255.

¹⁴⁷ Tariq Ali, Can Pakistan Survive : The Death of a State, England : Penguin Books, 1983, hlm. 140.

¹⁴⁸ Ian Talbot, Pakistan : A Modern History, hlm. 254.

Kepimpinan Zia ul Haq telah membawa kepentingan Islam ke dalam Pakistan. Menurut Zia, Pakistan adalah milik Islam dan seharusnya ditadbir secara Islam. Justeru, beliau telah merombak bentuk pemerintahan lama kepada pemerintahan baru yang didasari dengan sistem undang-undang Islam. Baginya juga sistem demokrasi yang diamalkan oleh Pakistan selama ini tidak bercorak Islam. Ini ditegaskan dengan kata-katanya ;

“I want to introduce Islam in Pakistan, in the true sense. Our present political edifice is based on secular democratic system of the West which has no place in Islam. In Pakistan neither anarchy or westernism will work. This country was created in the name of Islam and in Islam there is no provision for western-type elections.”¹⁴⁹

Dasar Islamisasi Zia ul Haq tidak dapat dipisahkan hubungannya dengan ketenteraan. Selagi agama tidak boleh dipisahkan daripada politik, begitu jugalah dengan ketenteraan. Ideologi tentera adalah satu bentuk badan doktrin yang bertali secara teratur, merupakan satu kepercayaan dan muncul daripada Islam dan asas penubuhan Pakistan.¹⁵⁰

Dalam mewujudkan dasar Islamisasi ini, presiden Zia ul Haq telah membawa satu idea untuk menarik perhatian penduduk terhadap programnya. Beliau telah membawa idea bahawa Islam dan Pakistan adalah suatu yang selari dengan rejim ketenteraan pimpinannya. Dalam menyatakan hubungan di antara Islam, Pakistan, dan rejim, beliau menyifatkan “Pakistan came into being in the name of Islam and it could exist in the name of Islam alone.” Islam, Pakistan, dan rejim adalah satu benda

¹⁴⁹ Tariq Ali, Can Pakistan Survive : The Death of a State, him.138.

¹⁵⁰ Asaf Hussain, Elite Politics in an Ideological State : The Case of Pakistan, England : Dawson, 1979, him. 130.

yang sama. Apabila rejim menyatakan dirinya sama dengan Islam dan Pakistan, serta membawa agama itu sebagai satu dogma rasmi negara maka, apa-apa penyimpangan daripada maksud rasmi agama merupakan satu penipuan sekaligus sebagai satu penentangan terhadap negara. Kenyataan ini telah dikeluarkan oleh Zia ul Haq sendiri iaitu ;

“Pakistan and Islam are the same thing and any idea or action contrary to this would mean hitting at the very roots of the ideology, solidarity and integrity of Pakistan.”¹⁵¹

Bagaimanapun, kesan sebaliknya berlaku apabila kesetiaan kepada negara disamakan dengan kesetiaan kepada agama yang telah menimbulkan kekeliruan dalam membezakan di antara penentangan terhadap politik dan pertelingkahan dalam agama.

Pemikiran yang dibawa oleh Zia ul Haq ini telah mengeratkan hubungan di antara ketenteraan dengan dasar Islamisasi yang dijalankan oleh beliau. Meninjau pemikiran Zia ul Haq yang membawa hubungan ini ke Pakistan, ia bukanlah sesuatu yang luar biasa. Ini telah dibuktikan dengan sejarah pemerintahan Pakistan itu sendiri dan sejarah Islam yang telah bermula sekian lama. Misalnya di Pakistan, dari tahun 1947 hingga tahun 1958 amalan-amalan ketenteraan secara tidak langsung telah mempengaruhi politik manakala, dari tahun 1958 hingga tahun 1971 ketenteraan secara terus mengawal politik pimpinan Ayub Khan. Sebaliknya, selepas tahun 1971 merupakan jangka masa pembalikan kepada pengaruh tidak langsung ketenteraan. Ketenteraan telah mendominasi semula senario politik negara di bawah pimpinan Zia ul Haq pada Julai 1977 hingga Ogos 1988.

¹⁵¹ Mumtaz Ahmad, “Pakistan”, him. 232.

Sebelum mendalami peranan politik ketenteraan di Pakistan, perlulah diselidiki mengapa ketenteraan itu memainkan peranan penting dalam politik negara. Pertamanya, dari segi sejarah itu sendiri telah membuktikan bahawa Islam amat akrab hubungannya dengan ketenteraan. Peranan tentera dalam negara Islam bertujuan untuk mempertahankan Islam. Begitu juga dengan peranan *khalifah* atau pemimpin adalah untuk mempertahankan kesucian agama Islam di negaranya. Hingga hal wujud kenyataan dalam Islam bahawa mana-mana tentera Islam ‘yang berpaling daripada menghadapi musuh kecuali sebagai taktik dan mengatur strategi, adalah sebagai bukan lagi orang Islam’. Sikap keagamaan yang amat kuat di kalangan tentera juga telah mewujudkan konsep-konsep tentera dalam Islam seperti ‘*jihad*’ (perang suci), ‘*ghazi*’ (pahlawan yang membawa kemenangan), dan ‘*shaheed*’ (kematian dengan nama Islam). Semua ini secara langsung telah mempengaruhi pembangunan moral tentera itu sendiri. Manakala, ‘*Izzat*’ (ikhlas) dan ‘*ghairat*’ (maruah diri) bangsa adalah pokok utama perjuangan tentera Islam.¹⁵²

Keduanya, dari segi konteks hubungan ketenteraan pada zaman kolonial di Pakistan. Pemerintahan Islam di India telah digugat oleh pemerintahan British (1857-1947) yang telah menyebabkan pemisahan politik di antara masyarakat Hindu dan Islam serta masa depan politik mereka. Masyarakat Islam memandang serius masalah ini kerana mereka tidak boleh mengidentifikasi diri mereka dengan negara kolonial malah dengan negara majoriti Hindu sekalipun. Keadaan ini terbukti telah menyebabkan pertembungan masyarakat Hindu dan Islam sebaik sahaja kemerdekaan dicapai. Pertembungan ini berlaku kerana isu Kashmir.¹⁵³ Selain itu, polisi

¹⁵² Asaf Hussain, *Elite Politics in an Ideological State : The Case of Pakistan*, hlm. 127.

¹⁵³ Kashmir merupakan negara yang bersempadan dengan India dan Pakistan. Walaupun bermajoritikan masyarakat Islam tetapi diperintah oleh kaum minoriti Hindu.

pengambilan pekerja oleh British telah mewujudkan ‘bangsa tentera’¹⁵⁴ di kalangan etnik demi mempertahankan diri lantaran pertembungan ras yang sering berlaku semasa pemerintahan kolonial. Doktrin bangsa tentera ini bukan sahaja menyumbang kepada imej pasukan keselamatan malah telah mewujudkan kerjaya tentera dalam mobiliti sosial kemudiannya.¹⁵⁵

Faktor ketiga yang mengaitkan ketenteraan dengan politik negara adalah berkenaan dengan hubungan struktur. Wilayah Punjab di Pakistan telah menjadi kawasan terbesar pengambilan tenaga kerja untuk berkhidmat dalam Tentera British India dan amalan ini berterusan sehingga era selepas kemerdekaan. Begitu juga dengan pengambilan Tentera Pakistan yang dibawa dari wilayah Punjab dan NWF¹⁵⁶ Kelompok ini akhirnya telah membentuk kelompok elit yang berkuasa.¹⁵⁷ Keempatnya, Pakistan yang sering menghadapi ancaman musuh amat memerlukan pertahanan ketenteraan yang kuat.

Hubungan militeri dan negara berideologi seperti Pakistan mempunyai dua asas. Pertamanya, ia sebahagian daripada sistem politik dan oleh yang demikian akan mengambil alih arena politik negara dan ia juga tidak boleh dilabelkan sebagai satu ‘gangguan’. Keduanya, militeri adalah sebagai tunggak dalam negara Islam yang

¹⁵⁴ Bangsa tentera wujud di kalangan etnik bangsa Gurkha, Pathan, Sikh, Rajput, Dogra, dan Islam Punjab.

¹⁵⁵ Asaf Hussain, Elite Politics in an Ideological State : The Case of Pakistan, hlm. 128.

¹⁵⁶ Pengambilan tentera ini dibawa dari wilayah Punjab iaitu daerah Jhelum, Gujrat, dan Compbellpur, manakala dari daerah NWF, kumpulan Pathan diambil dari Peshawar dan Kohat, Yusufzai, Kothak, Afridi, dan kaum Bangash.

¹⁵⁷ Asaf Hussain, Elite Politics in an Ideological State : The Case of Pakistan, hlm. 130.

akan menyumbangkan kepada kepimpinan politik alternatif apabila berlakunya krisis dalam negara.¹⁵⁸

Zia ul Haq sering mengaitkan hubungan di antara negara dan tentera dalam menjalankan dasar Islamisasinya. Dalam kempennya, Zia ul Haq melalui rancangan radio dan televisyen pada 14 Ogos 1977, sekali lagi mengaitkan kesalahan menentang negara boleh dijatuhkan hukuman. Kenyataan ini dipetik melalui kata-katanya iaitu;

“The armed forces considered restoration of democracy essential for the survival of Pakistan and since any person frustrating this mission was not only an enemy of democracy but an enemy of Pakistan, he would be administered the punishment he deserved.”¹⁵⁹

Jeneral Zia seperti yang dibincangkan sebelum ini merupakan seorang individu yang amat kuat komitmennya terhadap Islam. Beliau selalu mengaitkan Islam dan Pakistan itu dalam satu hubungan yang tidak boleh dipisahkan. Beliau juga menggambarkan Islam dan Pakistan itu saling memerlukan antara satu sama lain. Antara ucapannya adalah ;

“Pakistan is like Israel, an ideological state. Take out Judaism from Israel and it will collapse like a house of cards. Take Islam out of Pakistan and make it a secular state; it would collapse. For the past four years we have been trying to bring Islamic values to the country.”¹⁶⁰

¹⁵⁸ Ibid, hlm. 133.

¹⁵⁹ Muhammad Asghar Khan, General in Politics : Pakistan 1958-1982, London & Canberra : Croom Helm, 1983, hlm. 132.

¹⁶⁰ Tariq Ali, Can Pakistan Survive : The Death of a State, hlm. 133.

Selain itu, presiden Zia ul Haq senantiasa menghubung kaitkan asas agama Islam dengan orientasi negara Pakistan. Pada tahun 1980 di daerah Multan, beliau berkata :

“Pakistan was achieved in the name of Islam, and Islam alone could provide the basis to run the government to the country and sustain its integrity... The present government would provide opportunity to others to serve the country after it achieved its objective... (but) no un-Islamic government would be allowed to succeed the present regime.”¹⁶¹

Berbeza dengan pendekatan pemimpin sebelum ini, Zia telah membawa idea Islam dalam perjuangannya dan juga meletakkan Islam sebagai tunjang utama rejim ketenteraan. Tujuannya adalah untuk mengurangkan tekanan pihak sekular dan pihak berhaluan kiri seperti dari Parti Rakyat Pakistan (PPP). Tindakan beliau ini juga adalah dalam usaha untuk mendapatkan sokongan moral dan politik dari parti-parti politik agama, sokongan golongan *ulama* serta daripada masyarakat kelas pertengahan rendah di Punjab, Sind, dan NWF. Beliau cuba untuk mewujudkan keseimbangan di antara agama dan hubungannya dengan ekonomi yang sekaligus dapat menjamin keseimbangan rejim tentera pimpinannya.¹⁶²

Walaupun Zia ul Haq mempunyai misi tersendiri terhadap Islam tetapi Pakistan semasa pimpinan beliau telah mendapat sokongan daripada golongan *ulama* politik dan *ulama* bebas. Para *ulama* ini dikatakan menyokong beliau kerana julung

¹⁶¹ Mumtaz Ahmad, “Pakistan”, hlm. 232.

¹⁶² Ibid, hlm. 233.

kalinya diberi penghormatan dalam kerajaan serta mendapat banyak kelebihan dengan terpilih menjawat jawatan kerajaan dan institusi yang berkenaan dengannya.¹⁶³

Pada tahap awal program Islamisasi, setiap tindakan yang diambil adalah berdasarkan nasihat dan pandangan yang dikemukakan oleh kelompok tradisionalis dan juga modenis. Namun, lama-kelamaan ia membawa kepada dominasi golongan tradisionalis yang memberi kesan ke atas jawatan dalam CII yang didominasi oleh para *ulama* mahkamah *syariah* dan cawangannya.¹⁶⁴

Nyatanya, Zia ul Haq kelihatan untuk merealisasikan impiannya untuk mewujudkan negara Islam yang sejati. Sebelum kematiannya beliau telah menyatakan :

“Education, agriculture, industrialization, there are 101 important issues but the fundamental issue is that this country must have the spirit of Islam.”¹⁶⁵

Walaupun Zia tidak dapat meneruskan kepimpinannya namun, usaha beliau yang ingin mengembalikan kegemilangan Islam haruslah dipuji. Setelah berdekad lamanya Pakistan mencapai kemerdekaan, semakin jauh pula nilai-nilai keislaman yang menjadi tunggak penubuhannya itu disingkirkan lantaran kelekaan pemimpin terhadap globalisasi yang membawa nilai sekular barat. Usaha-usaha yang ingin dijalankan oleh Zia ini tidak begitu mudah untuk diperolehnya melainkan dengan perjuangan yang begitu padu bersama penyokong yang kuat berdiri di belakangnya.

¹⁶³ Ibid.

¹⁶⁴ Kemal A. Faruki, “Pakistan : Islamic Government & Society”, hlm. 59.

¹⁶⁵ Christina Lamb, Waiting For Allah : Pakistan's Struggle for Democracy, India : Viking, 1991, hlm. 85.

Zia ul Haq cuba untuk membangunkan Republik Islam Pakistan walaupun dengan jalan ketenteraan. Kelebihannya sebagai pemimpin tertinggi tentera Pakistan telah memberinya kelebihan untuk mendominasi negara. Berikut adalah rentetan perjuangan Zia ul Haq dalam mendapatkan tampuk pemerintahan sehingga kematianya pada 17 Ogos 1988.

Politik Zia ul Haq 1977-1985

Rampasan kuasa oleh Zia ul Haq pada 5 Julai 1977 telah membawa Pakistan memasuki era baru pemerintahan ketenteraan terlama dalam sejarah Pakistan. Sebelum peristiwa rampasan kuasa, Zia ul Haq bersama-sama dengan perikatan militeri dan *Jamaat-i-Islami* serta kumpulan *ulama* tertentu telah melancarkan Gerakan *Nizam-i-Mustafa* (Sistem Nabi Muhammad) yang berjaya mengulingkan rejim pimpinan Bhutto. Rejim pimpinan Bhutto telah menghadapi tumparan hebat dengan kemunculan parti Perikatan Kebangsaan Pakistan (PNA)¹⁶⁶ semasa pilihanraya 1977 dan kempen memperkenalkan *Nizam-i-Mustafa*. Kerajaannya juga terpaksa berhadapan dengan kebangkitan semangat keagamaan selepas pilihanraya tahun 1977 serta tekanan daripada masyarakat moden dan tradisionalis yang mendakwa kerajaan beliau sebagai anti-Islam serta rejim autoriti.¹⁶⁷ Keadaan-keadaan ini telah meluruskan jalan Zia ul Haq dan barisan parti yang ditunjanginya mencipta kejayaan.

¹⁶⁶ Ditubuhkan pada 11 Januari 1977 yang menggabungkan 9 parti politik yang terdiri dari barisan parti sekular, berhaluan kiri, dan berpandangan Islam. Ahlinya seperti *Tehrik-I-Istaghfah*, *Jamaat-i-Islami*, *Jamaat-i-ulama-e-Islam*, *Jamaat-i-ulama-Pakistan*, Pakistan Muslim League-Pagaro, Parti National Demokratik, Parti Pakistan Demokratik, *Khaksat Tehrik*, dan Persidangan Muslim Azad Kashmir.

¹⁶⁷ Mumtaz Ahmad, "Pakistan", hlm. 254.

Kebangkitan Zia dan sekutunya bermula sebaik sahaja pilihanraya pada tahun 1977¹⁶⁸ yang memihak kepada parti PPP pimpinan Bhutto. Bagaimanapun, keputusan yang sedia nyata ini tidak dapat diterima oleh barisan parti PNA yang kemudiannya memboikot kerajaan. Rasa tidak puas hati di kalangan mereka timbul kerana dakwaan bahawa PPP telah mengawal media dan menggunakan jentera pentadbiran kerajaan serta taktik ugutan untuk memenangi pilihanraya tersebut. Pemboikotan ini juga mendapat sokongan besar daripada masyarakat awam yang memudahkan jalan rampasan kuasa oleh Zia pada 5 Julai 1977 setelah beberapa siri Kertas Putih yang mengutarakan senarai kejahatan Bhutto diketengahkan.¹⁶⁹ Penentangan Zia ul Haq ini disifatkan sebagai satu pengkhianatan terhadap Bhutto namun, atas alasan bahawa Bhutto bukanlah orang Islam yang sejati menyebabkan beliau merampas kuasa yang rentetannya membawa kepada kematian Bhutto pada 4 April 1979.¹⁷⁰

Zulfikar Ali Bhutto sedari mula telah menyedari bahawa tentera akan mengambil alih negara sebaik sahaja pilihanraya Mac 1977 berakhir berdasarkan beberapa bukti yang disahkan oleh PNA sendiri.¹⁷¹ Bhutto juga menyatakan bahawa Jeneral Zia ul Haq dan tentera :

“played a prominent part in encouraging, aiding and manipulating events to exacerbate civil strife in order to overthrow the legal government”¹⁷²

¹⁶⁸ PPP memenangi 155 kerusi daripada 200 kerusi yang dipertandingkan, PNA menang 36 kerusi, PML-Qayyum 1 kerusi dan parti bebas 8 kerusi.

¹⁶⁹ Ian Talbot, Pakistan : A Modern History, hlm. 240.

¹⁷⁰ Zulfikar Ali Bhutto ditahan pada 3 September 1977 atas dakwaan terlibat dalam konspirasi pembunuhan Nawab Muhammad Ahmad Khan, bapa kepada ahli politik Ahmad Raza Kasuri. Beliau dijatuhi hukuman gantung pada 4 April 1979 di Rawalpindi.

¹⁷¹ Tariq Ali, Can Pakistan Survive : The Death of a State, hlm. 134.

¹⁷² Ibid, hlm. 134.

General Zia ul Haq sebenarnya seorang pemimpin yang kekurangan sokongan daripada rakyat berbanding Bhutto. Oleh yang demikian, politik melalui Islam adalah satu-satunya cara untuk menaikkan nama beliau sebagai pemimpin yang disegani. Sokongan untuknya hanyalah dari parti *Jamaat-i-Islami* (JI) yang sejak awal menyokong kepimpinan tentera tetapi dalam tempoh yang terhad sahaja kerana mereka juga menolak kepimpinan beliau kemudianya. Dikatakan Islam telah digunakan sebagai alat untuk mengukuhkan keterusan kekuasaannya, mengesahkan pemerintahannya dan menyingkirkan bentuk penentangan terhadap kerajaannya.¹⁷³ Beliau sendiri juga telah mengakui dirinya sebagai orang Islam yang tulen dan ini telah melayakkannya menerajui kepimpinan dalam negara Islam itu.

Selepas rampasan kuasa, Zia ul Haq telah mengumumkan dirinya sebagai pemerintah sementara seterusnya sebagai presiden pada tahun 1978. Beliau juga telah menjanjikan pilihanraya umum yang bebas dan adil untuk memilih wakil kerajaan. Pilihanraya baru ini kemudiannya ditangguhkan selama 90 hari sehingga Oktober 1979. Pelbagai alasan diberikan untuk melewatkannya tarikh pilihanraya sekaligus memberikan ruang yang lebih lama kepada beliau untuk memegang kuasa. Zia ul Haq juga menangguhkan pilihanraya untuk membolehkan Bhutto dan pengikut-pengikutnya memberikan laporan penuh tentang pentadbiran ekonomi dan politik negara.¹⁷⁴ Zia juga merasakan bahawa sokongan untuk PPP dan Bhutto terlalu kuat di kawasan Punjab dan Sind¹⁷⁵ yang boleh membawa kepada kemenangan PPP sekali lagi. Justeru, Zia telah mengambil tindakan dengan mendakwa bahawa Bhutto telah

¹⁷³ <http://www.idsa-india.org/an-dec8-2.html>, hlm. 6.

¹⁷⁴ Francis Robinson (ed.), *The Cambridge Encyclopedia of India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka, Nepal, Bhutan and the Maldives*, Cambridge : Cambridge University Press, 1989, hlm. 214.

¹⁷⁵ Bhutto merupakan anak tuan tanah dari Sind dan mendapat sokongan ramai penduduk di wilayah ini. Beliau telah menujuhkan masjid Shahbaz Qalander Sehwan yang berpagarkan emas di Sind sebagai tanda penghargaan.

terlibat dalam satu konspirasi membunuh yang menyebabkan Bhutto dijatuhkan hukuman mati pada 4 April 1979. Pilihanraya kemudiannya dijadualkan semula pada November 1979 tetapi dibatalkan oleh Zia dengan menyatakan bahawa mereka tidak akan mengeluarkan ‘keputusan yang positif’ yang bermakna tiada kata putus berkenaan hal itu dan mereka juga memerlukan masa untuk membawa peraturan Islam yang sebenarnya di Pakistan.¹⁷⁶

Pilihanraya yang dijanjikan itu menjadi semakin sukar apabila Majlis Agama Islam (CII) yang ditubuhkan oleh Zia ul Haq mengumumkan bahawa parti politik adalah tidak Islam justeru, ‘kuasa bukan Islam tidak dibenarkan mengambil bahagian’ dalam pilihanraya ini.¹⁷⁷ Pengharaman parti-parti politik juga dilakukan kerana beliau percaya bahawa parti politik cuma akan menyumbang kepada perpecahan.¹⁷⁸ Pindaan ini telah dilakukan oleh Zia ul Haq melalui Akta Parti Politik tahun 1962 yang menyatakan bahawa parti politik boleh ditolak keanggotaannya jika tidak memasukkan fasal-fasal keislaman dalam manifesto mereka.¹⁷⁹ Tindakan selanjutnya telah diambil dengan penangkapan ketua-ketua parti politik dan penapisan yang tegas dikenakan kepada media massa serta elektronik. Pakistan kelihatannya menuju ke arah pemerintahan dalam pakaian Islamisasi berbanding demokrasi.

Tindakan Zia ul Haq yang mengharamkan parti bukan agama daripada mengambil bahagian telah menyebabkan wujudnya penentangan pada tahun 1980. Kebanyakan parti berhaluan kiri yang dipimpin oleh PPP membentuk Pergerakan

¹⁷⁶ Francis Robinson (ed.), The Cambridge Encyclopedia of India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka, Nepal, Bhutan and the Maldives, him. 214.

¹⁷⁷ Mowahid H. Shah, “Pakistan, Islam and The Politics of Muslim Unrest”, him. 60.

¹⁷⁸ Christima Lamb, Waiting For Allah: Pakistan's Struggle For Democracy, him. 62.

¹⁷⁹ Francis Robinson (ed.), The Cambridge Encyclopedia of India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka, Nepal, Bhutan and the Maldives, him. 215.

Mengembalikan Demokrasi (MRD). MRD telah menuntut perletakan jawatan Zia dan penamatan Undang-Undang Ketenteraan, mengadakan pilihanraya yang baru dan memasukkan semula perlembagaan seperti yang sedia wujud sebelum Zia mengambil alih kuasa.¹⁸⁰

Pada April 1981, Zia ul Haq dengan kekuasaan yang ada padanya sebagai Ketua Pemerintah Undang-Undang Ketenteraan, membuat pengumuman melalui ‘Provisional Constitutional Order’ yang meletakkan kekuasaan sepenuhnya kepada seorang pemerintah sahaja dalam menjaga kepentingan agama Islam. Pada 27 Ogos 1983, CII mencadangkan penubuhan *Majlis-i-Aata* (Majlis Tertinggi), untuk Hubungan Luar Islam, *Majlis-i-Shura* (Majlis Persekutuan) dan majlis perwakilan untuk golongan minoriti di kalangan bukan Islam. CII juga mengidentifikasi presiden sebagai ‘ketua negara yang merupakan umat Islam sejati dan berumur sekurang-kurangnya 40 tahun serta mempunyai kesihatan mental dan fizikal yang sihat serta berpengetahuan dalam hal-hal keislaman’.¹⁸¹ Semua yang disenaraikan ini sebenarnya merupakan ciri-ciri yang ditujukan khas untuk Zia ul Haq yang sudahpun menjadi presiden Pakistan.

Tindakan Zia ul Haq dalam mewujudkan sistem pemerintahan Islam adalah melalui penubuhan *Majlis-i-Shura*. Majlis ini dianggotai oleh seramai 350 ahli daripada pelbagai lapisan masyarakat yang dicalonkan oleh kerajaan berdasarkan reputasi, ciri-ciri peribadi, pengaruh dan latar belakang mereka. Objektif *Majlis-i-Shura* adalah untuk mempercepatkan perjalanan proses Islamisasi, mencadangkan

¹⁸⁰ http://www.state.gov/www/background_notes/pakistan_971100_bgn.html hlm. 4.

¹⁸¹ <http://www.idsa-india.org/an-dec8-2.html> hlm. 7-8.

rancangan untuk tindakan penubuhan demokrasi Islam, memberi pandangan dan cadangan atas hal-hal dalam dan luar negara serta membantu reformasi ekonomi, dan sosial negara.¹⁸² Asasnya *Majlis-i-Shura* ini lebih merupakan sebuah badan penasihat tetapi pada 19 April 1982 presiden Zia ul Haq mengubahnya menjadi badan perundangan sehingga tibanya pilihanraya umum. Majlis ini kemudiannya dibubarkan pada 1 Mac sebaik sahaja pilihanraya umum pada tahun 1985 dijalankan.¹⁸³

Zia ul Haq sebenarnya bercita-cita mewujudkan sebuah negara yang beridelogi Islam sepenuhnya di Pakistan dari segi fizikal mahupun spiritual. Latar belakang dan kepercayaan beliau membawanya melihat peranan tentera lebih jauh daripada pandangan pemimpin-pemimpin tentera sebelumnya. Pada Mei 1982 beliau menyatakan:

“preservation of that Pakistan ideology and the Islamic character of the country was...as important as the security of the country’s geographical boundaries”¹⁸⁴

Zia ul Haq tidak boleh berjaya andainya tiada sokongan yang kuat daripada orang awam dan *ulama* kerana tentera sahaja tidak dapat menjamin ketahanan pemerintahannya. Di sebalik semua tindakan yang diambil oleh Zia ul Haq, parti *Jamaat-i-Islam* yang berdiri teguh di belakang rejim ketenteraan ini. Bersama pengaruh *Jamaat-i-Islami*, segala bentuk penubuhan sistem politik Islam, perbankan

¹⁸² Ian Talbot, *Pakistan : A Modern History*, hlm. 259.

¹⁸³ Safdar Mahmood, *Pakistan : Political Roots and Development*, hlm. 79.

¹⁸⁴ Ian Talbot, *Pakistan : A Modern History*, hlm. 255.

Islam, percuakan Islam, dan perihal yang berkaitan dengan Islam dijalankan berdasarkan nasihat pertubuhan ini.¹⁸⁵

Zia ul Haq dalam membendung tekanan politik ke atasnya telah mengharamkan Kesatuan Pelajar pada tahun 1983 yang lahir daripada parti-parti yang sedia wujud. Artikel 14 ‘Provincial Constitutional Order’ menyatakan bahawa selain dari parti *Jamaat-i-Islami*, parti-parti yang lain perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada ‘Chief Election Commission’ iaitu dengan kebenaran utama oleh presiden untuk berfungsi semula.¹⁸⁶

Politik Zia ul Haq 1985-1988

Semasa pilihanraya pada tahun 1985, presiden Zia ul Haq telah membuat keputusan untuk memasukkan sistem demokrasi ke dalam pentadbiran negara Pakistan secara perlahan-lahan. Bagaimanapun, pilihanraya umum ini dijalankan atas asas bukan parti. Calon-calon tidak boleh menggunakan simbol parti dan mengumumkan pertalian parti namun, secara amalannya keterlibatan mereka dengan parti sudahpun diketahui. Selepas pilihanraya, pengubahsuaian telah dilakukan ke atas pemerintahan iaitu Parlimen telah diwujudkan dan kerajaan telah dibentuk di peringkat kebangsaan dan wilayah.¹⁸⁷

Sebelum pilihanraya umum pada tahun 1985 diadakan, pada 30 November 1984 Zia ul Haq telah mengadakan satu referendum kebangsaan untuk mendapatkan

¹⁸⁵ Ira M. Lapidus, *Contemporary Islamic Movement in Historical Perspective*, hlm. 41.

¹⁸⁶ <http://www.idsa-india.org/an-dec8-2.html> hlm. 7.

¹⁸⁷ Safdar Mahmood, *Pakistan : Political Roots and Development*, hlm. 100.

pandangan orang awam mengenai program Islamisasinya. Referendum itu dijalankan pada 19 Disember 1984 dan keputusan telah memberikan mandat sepenuhnya kepada kerajaan Zia.¹⁸⁸ Referendum ini dijalankan oleh Zia apabila beliau mula menghadapi tentangan daripada MRD yang kebanyakannya ahlinya dari parti PNA pimpinan Zulfikar Ali Bhutto.¹⁸⁹

Referendum ini sebenarnya cuma menyediakan jawapan ‘ya’ ataupun ‘tidak’ dan soalannya memberi sedikit sahaja ruang untuk jawapan ‘tidak’. Antara isi referendum ini adalah:

“Whether the people of Pakistan endorse the process initiated by General Muhammad Zia ul Haq, President Pakistan, for bringing laws in Pakistan in conformity with the injunctions of Islam as laid down in the Holy Quran and *Sunnah* of the Holy Prophet (peace be upon him) and for the preservation of the ideology of Pakistan, for the continuation and consolidation of that process and for the smooth and orderly transfer at power to the elected representatives of the people.”¹⁹⁰

Referendum yang memihak kepada pengekalan kepimpinan Zia ul Haq¹⁹¹ selama lima tahun iaitu dalam tempoh 1985 hingga 1990 telah menjamin keselamatan dan pengekalan kuasanya. Walaupun referendum ini bukanlah satu pemilihan yang sebenar namun, kemenangan sebanyak 62% memberinya satu keyakinan untuk kekal dalam kekuasaan. Presiden Zia kemudian mengumumkan pilihanraya umum untuk peringkat kebangsaan dan wilayah pada 25 dan 28 Februari 1985 dengan keyakinan bahawa beliau akan memenanginya berdasarkan referendum tersebut.¹⁹² Bagi mengelakkan sebarang bentuk penentangan atau boikot terhadapnya dilakukan, Zia

¹⁸⁸ Francis Robinson (ed.), The Cambridge Encyclopedia of India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka, Nepal, Bhutan and the Maldives, hlm. 215.

¹⁸⁹ Christina Lamb, Waiting For Allah : Pakistan's Struggle for Democracy, hlm. 87.

¹⁹⁰ Safdar Mahmood, Pakistan : Political Roots and Development, hlm. 80.

¹⁹¹ Hanya 2% penduduk yang mengundi kerana jika mereka tidak bersetuju dengan kepimpinan Zia ul Haq bermakna mereka menentang Islam.

¹⁹² Safdar Mahmood, Pakistan : Political Roots and Development, hlm. 81.

mengumumkan bahawa tindakan boikot adalah tindakan jenayah yang boleh dikenakan hukuman penjara selama 3 tahun.¹⁹³

Zia ul Haq sekali lagi seolah-olah cuba memutar kembali sejarah penguasaan politiknya dengan penangguhan pilihanraya. Penangguhan pilihanraya umum kepada 25 Februari 1985 ini dan penolakan parti-parti dari mengambil bahagian telah menyebabkan berlakunya pemboikotan dan penentangan walaupun masih ramai pengundi yang mahu kerajaan pimpinan beliau memerintah.¹⁹⁴

Pada 2 Mac 1985 iaitu selepas selesai proses pilihanraya, Zia telah membawa satu perubahan besar dalam perlembagaan dengan memperkenalkan Pindaan Kelapan berdasarkan Perlembagaan tahun 1973 yang diluluskan pada Oktober 1985. Melalui pindaan ini presiden telah muncul sebagai satu institusi kuasa yang amat berpengaruh apabila presiden mempunyai keistimewaan mencalonkan Perdana Menteri sendiri, melantik gabenor wilayah, ketua menteri, ketua perkhidmatan awam, dan hakim mahkamah tinggi serta ketua angkatan bersenjata, dan juga boleh menentukan gaji yang harus mereka perolehi. Melalui Artikel 58-2(b), presiden juga mempunyai hak untuk membubarkan Perhimpunan Agung jika pada pandangannya perjalanan perhimpunan itu tidak berfungsi berdasarkan fasal-fasal yang termaktub dalam perlembagaan. Manakala, Artikel 112-2(b) telah memberikan kebenaran kepada presiden untuk membubarkan Perhimpunan Wilayah. Pindaan Kelapan ini jelasnya telah mengubah sistem parlimen berperlembagaan dan membawa ia lebih hampir kepada bentuk kerajaan berpresiden. Perdana Menteri juga bukanlah dipilih oleh

¹⁹³ <http://www.idsa-india.org/an-dec8-2.html>, hlm 6.

¹⁹⁴ Francis Robinson (ed.), The Cambridge Encyclopedia of India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka, Nepal, Bhutan and the Maldives, hlm. 215.

rakyat tetapi bergantung kepada ‘budi bicara presiden’.¹⁹⁵ Di samping itu, Artikel 270-A menyatakan bahawa ‘setiap undang-undang yang dibuat di antara 5 Julai 1977 dan tarikh penguatkuasaan artikel ini tidak boleh dipersoalkan di mana-mana mahkamah dan juga oleh sesiapa sahaja’.¹⁹⁶ Ini kemudiannya diikuti dengan ‘Revival of the Constitution Order’ berdasarkan pindaan yang diluluskan pada 10 Mac 1985. Semasa kepimpinan Zia ul Haq hampir 60 pindaan telah dilakukan ke atas Perlembagaan 1973.

Pada bahagian pengenalan Pindaan Kelapan, perlembagaan menyatakan ‘dengan itu memadai fasal-fasal dibuat untuk golongan minoriti (secara bebas) untuk beragama dan mengamalkan agama serta membangunkan budaya mereka,’ Zia menyingkirkan perkataan ‘secara bebas’. Beliau juga turut mengumumkan ‘pengundian berasingan’ pada tahun 1985 yang secara jelas mengasingkan kelompok minoriti.¹⁹⁷

Pilihanraya umum telah diadakan di peringkat persekutuan dan wilayah pada bulan Februari 1985 atas dasar bukan parti. Pada 23 Mac 1985, Muhammad Khan Junejo daripada parti Liga Muslim telah dilantik oleh Zia ul Haq sebagai Perdana Menteri dalam mengimbangi tekanan yang dikenakan kepada kerajaan ketenteraan. Tekanan tuntutan demokrasi yang berlanjutan menyebabkan kerajaan Zia terpaksa melucutkan Undang-Undang Ketenteraan dan mengembalikan Pakistan kepada pemerintahan rakyat pada 30 Disember 1985. Mahkamah Undang-Undang Tentera telah ditutup dan perlembagaan dimasukkan semula. Namun, Zia ul Haq di dalam

¹⁹⁵ Samina Yasmineen, “Pakistan : Moving Toward Democracy”, dlm. *Asian Studies Review*, Volume 21, Numbers 2-3, November 1997, hlm. 94.

¹⁹⁶ <http://www.idsa-india.org/an-dec8-2.html>, hlm. 8.

¹⁹⁷ Ibid.

mempertahankan kedudukannya sebagai kuasa tertinggi negara bukanlah individu yang mudah mengaku kalah setelah melalui pelbagai ranjau untuk meletakkan dirinya di tahap sedemikian. Beliau kemudiannya mengumumkan dirinya sebagai Ketua Pemerintah Angkatan Tentera yang telah mewujudkan bentuk hubungan rakyat-tentera yang baru selepas berakhirnya Undang-Undang Ketenteraan. Keadaan ini akhirnya menjurus kepada masalah kredibiliti parlimen yang sebenarnya masih lagi dikuasai oleh undang-undang ketenteraan.

Pada 29 Mei 1988, presiden Zia ul Haq telah memecat perdana menterinya Muhammad Khan Junejo apabila Junejo cuba mengimbangkan kuasa di antara presiden dan perdana menteri. Zia juga kemudiannya membubarkan kabinet dan menjanjikan pilihanraya umum dalam tempoh 90 hari tetapi ditangguhkan sehingga 16 November 1988. Muhammad Khan Junejo telah dilantik sebagai presiden parti Liga Muslim Pakistan (PML) pada 8 Januari 1989 yang muncul semula akibat ketidakpuasan hati kepada kekuasaan yang dimiliki oleh Zia ul Haq. Pada 10 April 1986, Benazir Bhutto, anak kepada bekas presiden Pakistan, Zulfikar Ali Bhutto dan pengerusi bersama PPP kembali dari London untuk memulakan gerakan penentangan terhadap Zia ul Haq. Bagaimanapun, misinya untuk menjatuhkan kepimpinan Zia ul Haq secara kekerasan tidak begitu berjaya mendapat maklum balas penyokongnya. Negara berada dalam keadaan genting apabila perjuangan untuk melahirkan semula demokrasi telah diikuti dengan peristiwa kekacauan di Sind pada 14 Ogos 1986 kerana gesaan supaya kerajaan mengadakan semula pilihanraya umum. Manakala, pada Disember 1986 rusuhan kaum terbesar dalam sejarah Pakistan dekad itu berlaku di Karachi yang mengorbankan beratus nyawa dan kerugian harta benda bernilai

beribu dollar. Rusuhan di Karachi ini telah melibatkan kelompok *Mohajir*¹⁹⁸ dari Karachi dengan kelompok Pathan dari NWF.

Perjuangan mengembalikan demokrasi daripada pemerintahan ketenteraan di Pakistan menemui jalan mudah apabila Zia ul Haq terbunuh dalam kemalangan pesawat udara C-130 pada 17 Ogos 1988.¹⁹⁹ Kematian Zia telah membawa perubahan besar kepada suasana politik Pakistan. Jawatan Presiden telah diambil alih untuk sementara waktu oleh Pengerusi Senat Ghulam Ishaq Khan yang memastikan pilihanraya umum dijalankan dalam suasana politik yang harmoni. Pilihanraya yang berlangsung pada November 1988 itu telah memihak kepada pemimpin PPP iaitu Benazir Bhutto yang memenangi 55 kerusi Perhimpunan Agung. Bhutto kemudian membentuk kerajaan gabungan bersama parti Muhammadi Qaumi Movement (MQM), Perikatan Demokratik Islam (IJI), gabungan parti-parti pimpinan PML termasuk parti agama berhaluan kanan seperti *Jamaat-i-Islami*.²⁰⁰

¹⁹⁸ Golongan Muhammadi adalah penduduk Islam yang berpindah dari India ke Pakistan dan lebih ditekankan kepada bangsa Punjabi. Mereka menuntut supaya disediakan pengesahan sebagai warganegara kelima Pakistan, peruntukan yang adil dari sumber wilayah, perwakilan dalam badan pemilihan, jawatan perkhidmatan di peringkat persekutuan dan wilayah serta dalam angkatan keselamatan.

¹⁹⁹ Kemalangan yang meragukan dan melibatkan korban nyawa seramai 32 orang termasuk presiden Zia ul Haq, duta Amerika iaitu U.S Brig. Arnold Raphel, General Herbert Wassom dan 28 pegawai tentera Pakistan sekembalinya daripada percubaan senjata ketenteraan di Bahawalpur.

²⁰⁰ http://www.state.gov/www/background_notes/pakistan_971100_bgn.html him. 5.